

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JUNE 2016

## Raja Petra syor Tun M sertai parti pembangkang

**KUALA LUMPUR 22 Jun** - Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu menyertai mana-mana parti dalam pakatan pembangkang jika bekas Perdana Menteri itu benar-benar serius untuk menggapai 'peluang cerah' pada pilihan raya umum akan datang.

Penulis blog, Raja Petra Kamarudin berkata, dua Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar telah memberikan mesej tepat kepada Dr. Mahathir untuk segera berbuat demikian kerana 'susunan longgar' antara beliau dengan pembangkang tidak berfungsi apabila para pengundi tidak 'terbeli' dengan gabungan itu.

Walau bagaimanapun beliau menjelaskan, Dr. Mahathir tidak boleh merendahkan martabatnya untuk memohon menyertai pakatan pembangkang, sebaliknya salah satu pihak daripada DAP, PAN atau PKR perlu menjemput beliau, itu pun sekiranya Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bersedia untuk membelakangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan keluarganya dalam melaksanakan jemputan itu.

"Jika Dr. Mahathir secara rasmi menjadi ahli dalam salah satu dari-

pada pakatan pembangkang dan memegang kedudukan penting dalam mana-mana parti itu, ini sekali gus akan memberi gambaran bahawa 'perkahwinan' antara Dr. Mahathir dengan pembangkang adalah serius dan ikhlas.

"Jika tidak, akan kelihatan seperti mereka hanya menggunakan antara satu sama lain untuk keseronokan," katanya dalam portal berita *Malaysia Today*, semalam.

Dalam pada itu, Raja Petra berkata, ramai pihak tidak yakin dengan perjuangan Dr. Mahathir iaitu adakah beliau benar-benar mahu 'Selamatkan Malaysia', sebaliknya mereka mengesyaki perjuangan itu semata-mata mahu menyelamatkan anaknya, Mukhriz dalam UMNO.

Kata beliau, setelah gagal beberapa kali untuk memenangi jawatan tertinggi parti, Dr. Mahathir sekurang-kurangnya mengharapkan Mukhriz mendapat jawatan Naib Presiden UMNO, sekali gus menjadi Timbalan Perdana Menteri dan kemudiannya Perdana Menteri.

"Dalam hal ini Dr. Mahathir menyalahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana enggan membantu anaknya. Maka sebab itulah Dr. Mahathir

mahu menyingkirkan Najib yang didakwa penghalang kepada kemajuan kerjaya Mukhriz.

"Jika Dr. Mahathir kekal di luar, maka dia tidak akan dilihat sebagai serius untuk menyelamatkan Malaysia. Tetapi apabila beliau menyertai salah satu daripada parti-parti pembangkang, Dr. Mahathir tidak boleh lagi kembali kepada UMNO menurut perlembagaan parti itu," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Raja Petra berkata, ada pihak yang menyatakan bahawa Dr. Mahathir hanya akan mengambil alih sebagai ketua pembangkang selepas reformasi pilihan raya dilaksanakan.

Namun katanya, kenyataan itu amat janggal untuk diterima pakai kerana jika pembaharuan pilihan raya boleh dilaksanakan tanpa Dr. Mahathir, mengapa pembangkang perlukan beliau selepas proses itu berlaku?.

"Pembangkang hanya mempergunakan Dr. Mahathir untuk menumbangkan Perdana Menteri dan UMNO, tetapi mereka tidak mahu bekas Perdana Menteri itu sebagai ahli mereka kerana beliau merupakan satu 'berita buruk' kepada pembangkang," katanya.

um - 23/6/2016